

Seri Paduka Baginda jambatan hubungan mesra antara raja dan rakyat

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah diharap terus menjadi teras perpaduan masyarakat berbilang etnik di negara ini.

Pensyarah Jabatan Pengajian Kene-garaan dan Ketamadunan, Fakulti Eko-logi Manusia, Universiti Putra Malay-sia, Profesor Madya Dr Mohd Mahadee Ismail berkata, Seri Paduka Baginda juga diharap terus memimpin rakyat dan negara untuk mengekalkan kehar-monian serta keamanan yang dinikmati.

Menurut beliau, sifat rendah hati dan keterbukaan Seri Paduka Baginda yang mesra, mudah bergaul dan pri-hatin serta dekat di hati rakyat, bukan sahaja selari dengan kehendak masya-rakat bahkan secara tidak langsung dapat merapatkan jurang hubungan antara institusi beraja dan rakyat.

“Seri Paduka Baginda ibarat ‘jam-batan hubungan mesra’ antara raja dengan rakyat apabila baginda sering kali turun padang melihat nasib rakyat. Ini termasuk sikap mengambil berat dan sanggup turun dari kenderaan un-tuk mengetahui nasib rakyat yang ditimpa kemalangan serta memberi ban-tuan.

“Seri Paduka Baginda juga antara lain sudi berhenti dan singgah di kedai dan gerai makan serta bergaul mesra dengan seluruh rakyat. Keistimewaan itu membuatkan rakyat berasa kagum, terharu dan lebih menghormati keper-ibadian baginda dan juga Raja Permai-suri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah,” katanya sem-pena Sambutan Ulang Tahun Hari Ke-puteraan Rasmi Al-Sultan Abdullah semalam.

Sementara itu, Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa

Malaysia, Profesor Dr Nik Ahmad Ka-mal Nik Mahmud berkata, Yang di-Pertuan Agong diharap terus memper-kukuh amalan Raja Berperlembagaan di negara ini di samping berperanan sebagai simbol kedaulatan tertinggi negara.

“Seri Paduka Baginda sebagai ketua negara diharap akan terus menjadi pe-macu kepada model pemerintahan ter-baik berlandaskan syariat Islam se-per-ti mana yang digariskan oleh Majlis Raja-Raja serta perkara lain yang dite-tapkan dalam Perlembagaan.

“Raja Berperlembagaan berdasar-kan prinsip Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat jemaah menteri (lazimnya Perdana Menteri) serta berdasarkan peruntukan undang-undang seperti yang disebut dalam Perkara 40 Perlembagaan Perse-kuatan.

“Amalan sistem ini dapat mengim-bangi kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah dan rakyat selaku yang diperintah. Peranan timbal balik antara raja dan rakyat amat penting da-lam meneruskan tradisi ini,” katanya.

Tambah Nik Ahmad Kamal, selain berperanan sebagai Ketua Angkatan Tentera dan bergerak dalam tiga badan utama negara iaitu badan eksekutif, badan perundangan dan badan keha-kiman, Seri Paduka Baginda juga ada-lah pemangkin kepada perpaduan kaum serta kemajuan Malaysia di samping menjadi inspirasi kepada semua pihak.

“Rakyat perlu lebih peka dan me-mahami kepentingan institusi beraja. Usaha dan penerangan berterusan di semua peringkat perlu dijalankan bagi memastikan institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia terus dihormati oleh semua pihak,” katanya. - Bernama